

CERAMAH TEKNIK TECHNICAL TALK

Discovering hydrocarbon: The role of stratigraphy

Shamsudin Bin Jirin (PETRONAS)

Date: 12 October 2016

Venue: Bilik Mesyuarat Program Geologi, Bangunan Geologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pada 12 Oktober 2016 bersamaan dengan hari Rabu yang lalu, satu ceramah teknik bertajuk *Discovering Hydrocarbon: The Role Of Stratigraphy* telah diberikan oleh penceramah daripada Syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Bekerja dalam sektor eksplorasi minyak dan gas, Encik Shamsudin Bin Jirin sebagai penceramah merupakan alumni Geologi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ceramah yang dijalankan pada pukul 11 pagi hingga pukul 1 petang di Bilik Mesyuarat, Bangunan Geologi UKM ini telah dihadiri oleh kira-kira 120 orang termasuklah pelajar, pensyarah dan kakitangan bukan mengajar.

Tajuk ceramah yang diberikan ternyata menarik minat pelajar. Sepanjang ceramah berlangsung, pelajar memberikan penumpuan yang baik serta mengajukan banyak soalan yang bernas kepada penceramah. Sebagai kesimpulannya, ceramah ini berjaya mencapai objektifnya yang utama iaitu memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang industri minyak dan gas negara.



Jhstolistikha Percy Dos
Exco Akademik, Kelab Geologi UKM

Abstract: Hydrocarbon exploration remains very challenging and yet exciting tasks for many explorationists. The challenges are further escalated with the increasing geological complexity in the remaining hydrocarbon potential areas yet to be discovered. Most of significantly commercial big hydrocarbon accumulations especially in hydrocarbon prolific areas have been discovered, thus leaving remaining smaller accumulations stranded within a geologically complex, frontier and high risk areas to be explored. Owing to these complexities a proper geological assessment is critically required for further exploration efforts. Typically the assessment covers various geological aspect of basin evolution, prediction of temporal and spatial depositional facies development, petroleum system components, recognition of basin prospective corners and upside potentials before drillable hydrocarbon prospects is identified. One of the key integral component is stratigraphy which plays an important role across all the petroleum system components. In this sharing various aspect of stratigraphy and its role in supporting the discovery of hydrocarbon are discussed. Some examples focussing on its application from several geological setting and geographic areas are also presented for further illustration.